



# KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

## PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2004/05

NAMA MATA PELAJARAN : UNDANG-UNDANG HARTA  
TANAH 1

KOD MATA PELAJARAN : BPE 2043

KURSUS : 2 BPD

TARIKH PEPERIKSAAN : OKTOBER 2004

JANGKA MASA : 3 JAM

ARAHAN : **JAWAB EMPAT (4)**  
SOALAN SAHAJA DARIPADA  
LAPAN (8) SOALAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 3 MUKA SURAT

S1 Bincangkan pemakaian doktrin duluan kehakiman berdasarkan struktur hirarki mahkamah di Malaysia  
(25 markah)

S2 Kecuaian adalah kegagalan untuk bertindak yang mana seseorang yang munasabah akan melakukan, atau melakukan sesuatu yang mana seseorang yang berhemah dan munasabah tidak akan melakukannya. Bincangkan.  
(25 markah)

S3 (a) Nyatakan dalam keadaan manakah sesuatu perkara boleh dirujuk kepada timbangtara dan tidak kepada mahkamah?  
(b) Bilakah mahkamah campurtangan dalam award yang telah diberikan oleh penimbangtara?  
(25 markah)

S4 Musalmah, seorang penasihat pemakanan (dietician) di Syarikat Hidup Sihat Sendirian Berhad, telah menulis sebuah buku bertajuk "Bagaimana Menghilangkan 10 kg. Dalam 10 hari?". Angela membeli buku itu dan mengikut segala saranan yang dibuat oleh penulis buku itu. Walau bagaimanapun pada hari yang ke 10 mengikut diet tersebut, Angela jatuh sakit lalu dimasukkan ke hospital. Doktor mendapati bahawa dia kekurangan air dan zat. Beliau terpaksa tinggal di hospital selama 10 hari.

Nasihatkan Angela tentang tindakan undang-undang yang boleh diambil oleh nya terhadap Musalmah. Adakah tindakan juga boleh diambil terhadap Syarikat Hidup Sihat Sendirian Berhad? Berikan sebab-sebab untuk jawapan anda.  
(25 markah)

S5 Pada 1 Disember, Rosli berjumpa dengan Hussin dan menawarkan untuk menjual komputer IBM nya dengan harga RM2000. Pada 3hb. Disember, Hussin menulis surat kepada Rosli menerima tawaran tersebut dan pada hari yang sama mengeposkannya kepada Rosli. Oleh kerana surat itu tidak mempunyai alamat yang lengkap, Rosli yang sepatutnya menerima surat itu pada 5hb. Disember, hanya menerima surat penerimaan dari Hussin pada 8hb. Disember. Pada sebelah malamnya iaitu pada 6 Disember, Rosli menelefon Hussin dan berkata "Saya membatalkan tawaran saya".

Nasihatkan Rosli dan Hussin.  
(25 markah)

S6 Sulaiman memasuki pasaraya Wellard, mengambil troli yang disediakan oleh pasaraya itu dan mengisinya dengan pelbagai barangan yang diambil dari rak-rak di pasaraya itu. Semasa dia menolak troli itu ke arah juruwang, Sulaiman dapati dia telah tertinggal dompet nya di rumah. Sulaiman berpura-pura seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku dan sambil bersiul dia berjalan ke rak-rak dan meletakkan barang-barang dalam trolinya itu ke atas rak. Semasa sedang berbuat demikian penyelia pasaraya itu datang dan mengatakan bahawa memandangkan Sulaiman telah membeli barang-barang itu, dia mesti membayarnya. Nasihatkan Sulaiman.

(25 markah)

S7 Ah Loke mempunyai sebuah kilang di kawasan perindustrian. Pada suatu hari berlaku kerosakkan kepada dandang (boiler) di kilangnya yang mengakibatkan mengeluarkan toksik dengan banyaknya. Akibat dari pencemaran toksik itu, penduduk disekitar kawasan kilang itu telah mengalami gatal-gatal kulit.

Nasihatkan Ah Loke tentang kemungkinan liabiliti yang akan dihadapinya.

(25 markah)

S8 Zahrah berjanji untuk mengecat rumah Aisyah jika Aisyah membayar Khadijah RM500. Zahrah mengecat rumah Aisyah tetapi Aisyah gagal untuk membayar Khadijah RM500. Bolehkah Khadijah menyaman Aisyah untuk jumlah wang sebanyak RM500? Berikan sebab-sebab untuk jawapan anda.

(25 markah)